



6-L12-01, Level 12, Tower 2,
Menara PGRM
No. 6 & 8 Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur, Malaysia

Telephone: +00 (603) 9283 9881
Facsimile: +00 (603) 9284 8187
Email: ia.mysbaenquiry@intertek.com
Website: www.intertek.com; www.moodyint.com

MICM Ref: R2020/10-3/IOI Corporation Berhad- Pukin Grouping Annual Surveillance Assessment (ASA-02)

12 Mac 2013

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pensijilan RSPO ke atas IOI Corporation Berhad, Unit Pengurusan Ladang – PMU Pukin Grouping, Rompin (Pahang), Segamat (Johor), Malaysia

IOI Corporation Berhad telah melantik Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Pukin Grouping bagi memenuhi keperluan *Rountable on Sustainable Oil Palm*, Prinsip dan Kriteria (RSPO P&C) dan selaras dengan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI) dan RSPO SCCS (2011) bagi Kilang Sawit.

Moody International Certification merancang untuk menjalankan Penilaian Pensijilan RSPO IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Pukin Grouping bermula dari 22 sehingga 26 April 2013

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan RSPO P&C, MYNI dan RSPO SCCS secara berterusan dan bagi mendapatkan maklum balas, Moody International Certification ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Pukin Grouping. Unit bagi pensijilan ini terletak di Rompin (Pahang), Segamat (Johor).

Secara ringkas, IOI Corporation Berhad telah menjadi ahli kepada RSPO dari 18 Mei 2004 dan komited untuk mematuhi sepenuhnya RSPO P&C dan juga pensijilan penuh di dalam semua aspek operasinya. IOI Corporation Berhad memiliki dan mengendalikan 12 buah kilang minyak sawit dan 77 estet (seperti yang dikemaskini pada Jun 2012), di seluruh Malaysia dan Indonesia. Pada masa ini, sebilangan besar Unit Pengurusan Ladang (PMU) sedang menjalani proses mengesahkan RSPO selaras dengan rancangan pensijilan berjadual untuk mencapai pensijilan RSPO bagi keseluruhan PMU pada penghujung tahun 2016.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

PMU: Pukin Grouping

Jadual 1: Alamat dan Lokasi GPS

Unit Operasi	Lokasi	Rujukan GPS	
		Latitud	Longitud
Pukin Palm Oil Mill Capacity (60 mt/hr)	30km, Lebuhraya Tun Abdul Razak, Keratong, Rompin, Pahang	02° 43'07.9" N	102° 54'28.7" E
Pukin Estate	30km, Lebuhraya Tun Abdul Razak, Keratong, Rompin, Pahang	02° 43'07.9" N	102° 54'28.7" E
Shahzan 1 Estate	30km, Lebuhraya Tun Abdul Razak, Keratong, Rompin, Pahang	02° 47'58.5" N	102° 50'56.3" E
Shahzan 2 Estate	36km, Lebuhraya Tun Abdul Razak, Keratong, Rompin, Pahang	02° 48'59.6" N	102° 52'26.5" E
Segamat Estate	Km 5, Jalan Segamat Muar, 85009 Segamat, Johor	02° 29'22.0" N	102° 52'58.5" E

Jadual 2: Ringkasan Kawasan Estet dan Penghasilan BTS

Estet	Ringkasan Kawasan (HA)		Buah Tandan Segar (BTS) (MT)
	Jumlah	Ditanam	
Pukin Estate	2,437.26	2,198.0	24,963.04
Shahzan 1 Estate	1,562.95	1,517.0	38,469.06
Shahzan 2 Estate	1,640.77	1,602.0	38,763.68
Segamat Estate	1,921.62	1,779.0	41,287.54
Jumlah	7,562.60	7,096.0	143,483.32

Nota: Jumlah pengeluaran BTS di atas adalah keluaran sebenar yang dikemukakan bagi tahun semasa

Jadual 3: Profil umur kelapa sawit yang ditanam

Nama Estet	Tahun Penanaman	Pusingan Penanaman
Pukin Estate	2007-2010	2 nd
	2004-2007	2 nd
	1994-2003	1 st
Shahzan 1 Estate	2003	1 st
Shahzan 2 Estate	2002-2003	1 st
Segamat Estate	2013	2 nd
	2004-2006	2 nd
	1994-2003	2 nd
	1989-1993	1 st

Jadual 4: Unjuran kuantiti pengeluaran / jumlah yang dianggarkan bagi tahun semasa adalah:

Estate / Supplier	FFB Production (MT)	CPO Production (MT)	PK Production (MT)
PMU Own estates	160,500.00	36,273.00	8,025.00
Certified IOI estates	48,150.00	10,881.90	2,407.50
* Other Suppliers / Sources	Nil	Nil	Nil
Jumlah	208,650.00	47,154.90 22.6% OER	10,432.50 5% KER

Intertek Moody adalah nama perdagangan / nama penjenamaan bagi Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. Intertek Moody adalah organisasi yang memberikan perkhidmatan teknikal di seluruh dunia dengan dedikasi untuk mengurangkan risiko pelanggan terhadap perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan kualiti system pengurusan, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, rantaian pembekalan marin yang mampan, rantaian pembekalan di bawah skim MTCS dan PEFC, yang digunapakai di dalam industri seperti pertanian dan sector perhutanan. Intertek Moody beroperasi secara global dan menawarkan pelanggannya kepakaran yang meluas di dalam pemeriksaan teknikal dan akses kepada beribu-ribu pakar yang mahir di seluruh dunia. Perkhidmatan kami bagi Pensijilan Sistem Pengurusan berada di kedudukan 10 teratas di dunia secara global yang menawarkan pensijilan antarabangsa dan tempatan dalam pelbagai industri. Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai:**
 - Encik T. Mohan (Kilang Kelapa Sawit, OHSAS, Alam Sekitar, Sosial, dan Gunatanah)
- **Penilai:**
 - Encik Jumat bin Majid (Sosial)
 - Encik N. Retnasabapathy (Amalan Pertanian yang Baik & Pengurusan Makhluk Perosak Bersepadu)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang Pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian yang relevan
- Permeliharaan 'Biodiversiti'
- Pembangunan Komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian pensijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

Mr. Augustine Loh
RSPO Program Manager
Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd
6-L12-01, Level 12, Tower 2, Menara PGRM,
No. 6 & 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603 9283 9881 Fax: 603 9284 8187
Email: augustine.loh@intertek.com

Mr. Too Heng Liew
Head of Sustainability (Malaysia/Indonesia)
IOI Corporation Berhad, Level 8, Two IOI Square,
IOI Resort, 62502, Putrajaya
Tel: 603-89478888
Fax: 603-89478988
Email: hltoo@ioigroup.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,



Augustine Loh
RSPO Program Manager
Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd.